PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2013

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi terus berkembang dalam keadaan turun naik pasaran kewangan yang ketara

Ekonomi global terus berkembang pada suku ketiga. Dalam ekonomi maju, kemunculan tanda-tanda pertumbuhan yang bertambah baik menunjukkan bahawa proses pemulihan yang sederhana sedang berlaku. Pertumbuhan di Asia mampan, walaupun terdapat kadar pertumbuhan yang berbeza antara negara di rantau ini. Walau bagaimanapun, risiko luaran yang semakin meningkat, yang sebahagiannya telah menambah kelemahan dalam negeri, mendorong beberapa pihak berkuasa kewangan di rantau ini untuk melaksanakan pendirian dasar monetari yang lebih ketat bagi mengurangkan inflasi dan menstabilkan mata wang negara.

Pasaran kewangan global mengalami turun naik yang ketara berikutan ketidakpastian mengenai hala tuju dasar fiskal dan dasar monetari dalam ekonomi maju. Pada awal suku ketiga, prestasi pasaran ekuiti utama dalam ekonomi maju meningkat disebabkan oleh pengumuman data ekonomi yang lebih baik di Eropah. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan di Asia terus mengalami turun naik memandangkan data ekonomi Republik Rakyat China (RR China) yang lemah telah menambah kebimbangan mengenai kemungkinan kelembapan menjadi lebih meruncing daripada jangkaan di RR China. Pada bulan Ogos, keadaan pasaran kewangan global menjadi semakin buruk. Harga ekuiti mencatat kejatuhan disebabkan oleh ketidakpastian mengenai masa pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) oleh Federal Reserve (Fed) AS dan kebimbangan terhadap asas ekonomi beberapa negara Asia. Kebimbangan yang tinggi juga timbul berikutan kemungkinan berlakunya serangan tentera Amerika Syarikat ke atas Syria. Sentimen pasaran seterusnya bertambah baik apabila perkembangan pada bulan September menyebabkan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko. Ini termasuk keputusan Fed AS semasa mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan September untuk meneruskan pembelian aset, prospek pertumbuhan yang lebih baik di kebanyakan ekonomi maju dan RR China, serta berkurangnya risiko geopolitik. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku ketiga, keadaan pasaran sekali lagi menjadi bertambah buruk ekoran ketidakpastian mengenai jangkaan penutupan perkhidmatan kerajaan di AS. Meskipun terdapat perkembangan yang mencabar ini, kebanyakan pasaran ekuiti utama menamatkan suku ketiga pada paras yang lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi AS kekal mampan pada suku ketiga 2013 (1.6%; S2 2013: 1.6%). Pada asas pelarasan bermusim tahunan, pertumbuhan lebih tinggi pada 2.8% (S2 2013: 2.5%). Keadaan yang bertambah baik ini disokong oleh pelaburan swasta yang lebih tinggi dan kadar pengumpulan inventori swasta yang lebih pesat. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan merosot lagi (-2.8%; S2 2013: -2.0%). Momentum pertumbuhan keseluruhan telah menghadapi rintangan ekoran ketidakpastian terhadap dasar fiskal dan monetari. Pasaran perumahan dan pekerja terus pulih walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pembinaan dan jualan rumah kediaman meningkat pada kadar yang lebih kecil ekoran kenaikan kadar gadai janji. Peluang pekerjaan menurun kepada 490,000 pada suku ketiga 2013 (S2 2013: 547,000) berikutan berkurangnya pengambilan pekerja dalam sektor perkhidmatan. Kadar inflasi meningkat kepada 1.6% (S2 2013: 1.4%) disebabkan oleh kenaikan harga tenaga.

Di kawasan euro, data ekonomi suku ketiga yang bercampur-campur menunjukkan bahawa kadar pemulihan masih lemah dan tidak sekata. Kebimbangan berhubung dengan isu struktur dan fiskal terus mengekang pertumbuhan. Ini termasuk paras hutang sektor awam dan

swasta yang tinggi, kadar pengangguran yang meningkat dan pemberian pinjaman oleh bank yang terus berkurang. Inflasi kekal rendah pada 1.3% (S2 2013: 1.4%) disebabkan oleh harga tenaga yang rendah.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang sebanyak 1.5% (S2 2013: 1.4%). Pada asas pelarasan bermusim, pertumbuhan suku tahunan berkembang sebanyak 0.8% (S2 2013: 0.7%), didorong oleh peningkatan menyeluruh dalam semua sektor. Inflasi pula stabil pada 2.7% (S2 2013: 2.7%).

Di Jepun, aktiviti ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang bertambah baik. Eksport mencatat pertumbuhan sebanyak 3.0% (S2 2013: 0.0%) disebabkan terutamanya oleh penghantaran ke Asia, AS dan Eropah Barat yang lebih tinggi. Pelaburan meningkat berikutan sentimen perniagaan yang lebih baik. Aktiviti penggunaan bertambah baik, disokong oleh permintaan terhadap barangan tahan lama yang lebih tinggi. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) mencatat peningkatan positif (0.7%; S2 2013: 0.0%) ekoran kenaikan harga tenaga serta pengangkutan dan komunikasi.

Dasar monetari ekonomi maju kekal sangat akomodatif pada suku ketiga. Di AS, FOMC mengekalkan kadar federal funds antara 0 - 0.25% dan meneruskan program pembelian aset sebanyak USD85 bilion setiap bulan. Pada mesyuarat bulan September, FOMC menyatakan bahawa ia akan "menunggu lebih banyak bukti yang menunjukkan pemulihan adalah mampan" sebelum mengurangkan kadar pembelian aset semasa. Sebagai mencerminkan kadar pertumbuhan semasa yang lebih wajar, kadar pertumbuhan rasmi Fed diunjurkan lebih rendah, masing-masing pada 2.0-2.3% dan 2.9-3.1% bagi tahun 2013 dan 2014 (Terdahulu: masing-masing pada 2.3-2.6% dan 3.0-3.5%). Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah kepada 0.25% pada bulan November. Keputusan ini dibuat berdasarkan tanda-tanda terkini yang menunjukkan bahawa tempoh bagi kadar inflasi yang rendah di bawah sasaran 2% akan berpanjangan berikutan aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan. ECB juga menegaskan mengenai pendirian dasar monetarinya (atau "forward guidance") untuk kekal akomodatif selama diperlukan. Bank of England (BoE) juga mengekalkan kadar dasar utamanya pada 0.5% dan program pembelian aset sebanyak £375 bilion. Selain itu, BoE juga menggunakan "forward guidance" buat kali pertamanya pada bulan Ogos dengan menyatakan bahawa BoE tidak akan menaikkan Kadar Bank melebihi kadar semasanya sebanyak 0.5% sekurang-kurangnya sehingga kadar pengangguran menjadi kurang daripada 7%. Bank pusat itu menyatakan kesediaannya untuk meneruskan pembelian aset jika rangsangan tambahan diperlukan. BoE juga menyatakan bahawa "forward guidance" akan dimansuhkan sekiranya menjadi risiko yang besar kepada kestabilan harga atau kewangan. Di Jepun, Bank of Japan mengekalkan pendirian akomodatifnya menerusi pengembangan asas monetarinya sebanyak JPY60-70 trilion setahun.

Aktiviti ekonomi di Asia terus berkembang, meskipun pada kadar pertumbuhan yang berbeza antara negara. Dalam kebanyakan ekonomi, permintaan dalam negeri kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh pendapatan yang lebih tinggi dan langkah-langkah rangsangan fiskal. Eksport juga bertambah baik sejajar dengan pemulihan beransur-ansur dalam permintaan luaran. Aktiviti ekonomi di RR China, Korea dan Singapura berkembang dengan lebih cepat (masing-masing 7.8%, 3.3% dan 5.1%; S2 2013: masing-masing 7.5%, 2.3% dan 4.2%). Pertumbuhan di RR China dan Korea didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	2.8	0.1	1.1	2.5	2.8[a]
UK	0.0	-0.2	0.2	1.3	1.5[p]
Jepun[1]	-3.7[d]	0.6[d]	4.3[d]	3.8	1.9[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

langkah rangsangan kerajaan manakala eksport pula terus meningkat. Di Singapura, pertumbuhan disokong terutamanya oleh prestasi sektor perkilangan yang bertambah baik, khususnya kelompok kejuruteraan pengangkutan dan elektronik. Walau bagaimanapun, di China Taipei dan Indonesia, pertumbuhan menjadi sederhana (masing-masing 1.6% dan 5.6%; S2 2013: masing-masing 2.5% dan 5.8%) disebabkan terutamanya oleh eksport bersih yang lebih rendah.

Inflasi meningkat di beberapa ekonomi (RR China, India dan Korea) berikutan kenaikan harga makanan, sebahagiannya akibat keadaan cuaca yang buruk. Di Indonesia, harga makanan meningkat pada bulan Ramadhan, manakala kos pengangkutan naik dengan nyata ekoran harga bahan api bersubsidi yang lebih tinggi pada bulan Jun. Kenaikan kadar inflasi di Hong Kong SAR disebabkan oleh kadar sewa perumahan awam yang meningkat dengan nyata pada pertengahan suku ketiga. Di Singapura, inflasi meningkat disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos pengangkutan darat persendirian setelah menguncup pada suku sebelumnya. Inflasi bagaimanapun menjadi sederhana di China Taipei dan Thailand berikutan harga makanan yang lebih rendah, manakala di Filipina, kadar inflasi yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang lebih kecil dalam tarif elektrik, harga gas dan bahan api lain.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	7.4	7.9	7.7	7.5	7.8
Indonesia	6.2	6.1	6.0	5.8	5.6
Singapura	0.0	1.5	0.3[d]	4.2[d]	5.1[a]
China Taipei	0.7	4.0	1.6[d]	2.5	1.6[a]
Korea	1.6	1.5	1.5	2.3[p]	3.3[a]

[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dengan tekanan inflasi yang pada amnya kekal sederhana di seluruh rantau ini, kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan dalam keadaan persekitaran global yang mencabar. Hanya Bank Indonesia (BI) dan Reserve Bank of India (RBI) yang menaikkan kadar dasar disebabkan oleh faktor khusus dalam negara-negara ini. BI menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 125 mata asas kepada 7.25% pada suku ketiga. Pada bulan Ogos, bank pusat itu mengumumkan akan menerbitkan Sijil Deposit Bank Indonesia dan menambah peruntukan Keperluan Rizab LDR (LDR-Reserve Requirements) untuk menggiatkan pemberian pinjaman dan pemerolehan dana secara berhemat serta meningkatkan Keperluan Rizab Sekunder (Secondary Reserve Requirement) bagi bank untuk mengukuhkan pengurusan mudah tunai. Pada bulan November, BI menaikkan kadar tanda arasnya sebanyak 25 mata asas lagi kepada 7.50%. Bank pusat itu juga menyatakan bahawa kenaikan kadar faedah dasarnya merupakan sebahagian daripada langkah untuk mengukuhkan komposisi dasarnya, yang menumpukan pada pengawalan inflasi, penstabilan rupiah dan memastikan defisit akaun semasanya diurus hingga mencapai paras yang mampan. Pada suku ketiga hingga bulan Oktober, RBI menaikkan kadar reponya sebanyak 50 mata asas kepada 7.75% dalam usaha untuk menegarkan jangkaan terhadap inflasi. Untuk memperbaiki keadaan mudah tunai dalam ekonomi, bank pusat itu mengurangkan kadar kemudahan tersedia marginal (marginal standing facility, MSF) sebanyak 150 mata asas kepada 8.75% pada bulan September dan Oktober serta menyediakan mudah tunai tambahan menerusi repo bertempoh.

Berikutan tanda-tanda aktiviti ekonomi yang semakin perlahan, Thailand dan Indonesia mengumumkan langkah fiskal untuk menyokong ekonomi mereka. Pada bulan Ogos, kabinet Thailand meluluskan pakej rangsangan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonominya sebanyak satu mata

peratusan. Pelan ini menumpukan pada usaha merangsang penggunaan dan pelaburan swasta, mempercepat penggunaan bajet kerajaan serta merangsang eksport. Sementara itu, kerajaan Indonesia juga mengumumkan pakej fiskalnya pada bulan Ogos untuk menggalakkan pelaburan asing, mengurangkan import dan menyokong mata wangnya. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan akaun semasanya, cukai import atas barangan mewah akan dinaikkan berserta langkah mengurangkan import minyak dan memansuhkan kuota eksport mineral dan bijih besi. Kerajaan juga akan menyediakan insentif cukai kepada industri berintensif pekerja.

Pada suku ketiga, harga minyak mentah Brent meningkat disebabkan terutamanya oleh perkembangan geopolitik di Timur Tengah. Harga minyak pada awal suku ketiga ialah USD103 setong berikutan permintaan yang lebih rendah akibat prospek pertumbuhan global yang lemah. Walau bagaimanapun, mulai bulan Julai, konflik di Mesir telah menimbulkan kebimbangan pasaran berhubung dengan penghantaran minyak melalui Terusan Suez. Akibatnya, harga minyak mentah meningkat dan kekal sekitar USD108 setong sepanjang bulan Julai dan Ogos. Menjelang akhir bulan Ogos, kemungkinan campur tangan tentera antarabangsa di Syria telah menyebabkan harga minyak mencecah paras tertinggi dalam tempoh enam bulan iaitu pada USD117 setong. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku ketiga, harga minyak menjadi sederhana kepada USD108 setong apabila kemungkinan tindakan ketenteraan ke atas Syria berkurang. Bagi suku ketiga keseluruhannya, harga minyak mentah purata ialah USD110 setong (S2 2013: USD103 setong).

Dalam pasaran pertukaran asing, kebanyakan mata wang utama menamatkan suku ketiga pada nilai yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS. Euro dan paun sterling memulakan suku ketiga dengan trend menyusut nilai disebabkan oleh kebimbangan yang ketara terhadap kemelut politik di Portugal serta penurunan penarafan kredit kerajaan Itali oleh S&P. Sejak pertengahan bulan Julai, mata wang secara amnya menambah nilai, disokong oleh data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan di UK, Jerman dan kawasan euro. Sementara itu, yen menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada separuh pertama suku ketiga ekoran data inflasi yang lebih baik daripada yang dijangka serta jangkaan bahawa Bank of Japan tidak akan menambah langkah rangsangannya. Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan kedua suku ketiga, nilai yen merosot berbanding dengan dolar AS, mencerminkan sentimen negatif pelabur berikutan kemungkinan yang lebih besar bahawa cukai penggunaan akan dinaikkan. Di Asia, mata wang kebanyakan ekonomi perindustrian baharu (NIE) juga menamatkan suku ketiga pada nilai yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS, disokong oleh aliran masuk modal yang berterusan disebabkan oleh asas ekonomi yang secara relatif lebih kukuh. Walau bagaimanapun, kebanyakan mata wang ASEAN menerima kesan daripada kebalikan aliran modal sebagai mencerminkan ketidakpastian pasaran yang berkisar kepada kemungkinan AS mengecilkan skala program QEnya. Meskipun keputusan Fed untuk menangguhkan QE di AS pada bulan September telah menaikkan nilai kebanyakan mata wang ASEAN, kadar penambahan nilai adalah terhad disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti untuk mengelakkan risiko akibat ketidakpastian yang berterusan mengenai masa dan kadar pengecilan skala QE di AS.

Melangkah ke hadapan, kemunculan tanda-tanda pemulihan di AS dan kawasan euro akan sedikit sebanyak menyumbang kepada pertumbuhan global secara keseluruhan. Namun, ketidakpastian berhubung dengan pelarasan dasar fiskal dan monetari dalam ekonomi maju menimbulkan risiko bahawa pertumbuhan ekonomi global akan menjadi lebih perlahan. Meskipun kesan limpahan dasar global mungkin mempengaruhi rantau Asia, pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri dan disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan dasar yang fleksibel.